

05/03/1997

Mastic jayakan konsep kerajaan elektronik

Khairul Anuar Samad

PRASARANA tulang belakang telekomunikasi Koridor Raya Multimedia (MSC) dengan kapasiti kelajuannya sehingga 10Gbps membolehkan Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia (Mastic), menyediakan perkhidmatan maklumat sains dan teknologi (S&T) terkini dan pantas.

Keupayaan itu bertrilion kali ganda laju berbanding talian biasa yang sekali gus meletakkan Mastic sebagai bank data S&T terunggul negara, mengatasi keupayaan bank data lain.

Pengarahnya, Samsurdin Ahamad, berkata keupayaan itu bagaimanapun hanya akan dinikmati apabila operasi Mastic berpindah ke Taman Teknologi Malaysia (TTM), Bukit Jalil, menjelang 1998.

Katanya, pemindahan itu membolehkan Mastic memanfaatkan sepenuhnya prasarana termaju memandangkan TTM terletak dalam lingkungan MSC yang sudah tentu tersedia dengan teknologi lain serba canggih.

Tambahan lagi katanya, dengan keupayaan sistem teknologi di Mastic yang bernilai kira-kira RM6 juta mampu memantapkan lagi operasinya terutama dalam menjayakan satu antara lapan aplikasi utama dalam MSC iaitu konsep kerajaan elektronik.

"Di samping itu, kerajaan elektronik itu akan turut memanfaatkan keupayaan Mastic apabila ia menjadi sebuah badan korporat menjelang awal 1999.

"Pengkorporatan itu membolehkan Mastic berfungsi dengan lebih baik terutama bagi menyediakan perkhidmatan kepada organisasi tempatan dan luar negeri di samping menghasilkan pulangan kepadanya," katanya kepada Komputer, di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Mastic adalah organisasi di bawah pentadbiran Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, beroperasi sepenuhnya Oktober 1995, berfungsi pusat maklumat S&T negara.

Ia akan dilancarkan secara rasmi oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Rabu depan (12 Mac), di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.

Keupayaan teknologi Mastic didokongi dengan teknologi komputer terbaru yang memanfaatkan hos HP 9000 siri 800, model G70 dengan 256 gigabait, memori 8 gigabait, sistem operasi Unix yang berupaya menampung 128 pengguna.

Ia juga mempunyai beberapa sistem rangkaian LAN yang menggunakan komunikasi Banyan Vines serta pangkalan data dan perkhidmatan yang boleh dicapai melalui dua cara.

Dua cara itu ialah perkhidmatan melalui Telekom atau Sistem Rangkaian Data Suis Berpaket, menggunakan protokol X.25 dan Jaring.

Selain itu, kekuatan sistem Mastic juga didokongi dengan CD-ROM jukebox, 43 PC, tiga pencetak kelajuan sederhana HP, pencetak kelajuan tinggi, alat pengesan kelajuan tinggi, mesin faks, sistem PABX dan mesin penyalin.

Samsurdin berkata, keupayaan sistem komputer itu membolehkan Mastic sentiasa bersedia untuk memberi khidmat dalam kerajaan elektronik yang sekali gus memudahkan perhubungan timbal balik antara Mastic dan pelanggannya sama ada pembekal atau pengguna maklumat S&T.

Katanya, dalam perancangan awal kerajaan elektronik, setiap agensi kerajaan dikehendaki mengenal pasti aplikasi setiap kemudahan rangkaian komputernya.

"Mastic sudah mengenal pasti kategori itu iaitu pangkalan data MasticLink, aplikasi unik dengan penyediaan maklumat yang didapati

daripada sektor awam atau swasta di Malaysia.

"MasticLink ada kaitan dengan MSC kerana ia tertumpu kepada kandungan tempatan, sesuai dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang inginkan lebih banyak bahan tempatan daripada luar negeri," katanya.

MasticLink juga akan dilancarkan oleh Anwar di majlis yang sama, adalah perkhidmatan maklumat dalam talian menggunakan pakej Holos Executive Information System (EIS).

Sistem itu membekalkan Mastic dengan keupayaan untuk mencapai maklumat pembangunan dan penyelidikan (R&D) yang terdapat di pangkalan datanya. Samsurdin berkata, data MasticLink mampu menarik balik saintis Malaysia di luar negeri selain membuka peluang saintis negara asing untuk berkhidmat di Malaysia.

"Maklumat pada MasticLink membolehkan banyak organisasi tempatan mengakses maklumatnya selain mengatasi penindihan projek R&D yang dilakukan oleh organisasi lain.

"Ia juga menyediakan banyak senarai projek selain membolehkan perkongsian kemudahan di samping membabitkan perkhidmatan perundingan untuk organisasi tertentu," katanya.

(END)